

# **KUPASAN MUTU JAWAPAN**

**BAHASA MELAYU 2**  
**1103/2**

**SPM 2017**

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran : 1103/2  
Markah Penuh : 110  
Masa : 2 jam 30 minit

**REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Mempunyai 4 soalan – semua soalan mesti dijawab.

Soalan 1 : Rumusan - 30 markah  
Soalan 2 : Pemahaman - 35 markah  
(Petikan Umum, Prosa Moden, Prosa Klasik dan Puisi  
Moden/Klasik)  
Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa - 30 markah  
Soalan 4 : Novel - 15 markah

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1: Rumusan

#### Soalan 1 : Rumusan

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dan cara-cara pihak sekolah menarik minat murid mempelajari KOMSAS. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam pendidikan Bahasa Melayu di semua sekolah menengah diperkenalkan mulai tahun 2000. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memilih beberapa buah karya sastera untuk dijadikan teks yang wajib dipelajari dan ditaksir dalam peperiksaan awam. Pemilihan karya sastera tersebut merangkumi semua genre utama yang mencakupi pelbagai tema. Langkah tersebut menjadikan pendidikan Bahasa Melayu semakin luas. Hal ini telah menjadikan proses pendidikan Bahasa Melayu tidak lagi hanya berfokus kepada penulisan karangan, tatabahasa dan pemahaman semata-mata.

KOMSAS yang diajarkan juga dapat meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid. Murid dapat *menikmati keseronokan* dunia pembacaan apabila mereka dapat menghayati pelbagai karya yang ditulis oleh pengarang-pengarang tanah air. Melalui pembelajaran KOMSAS pelbagai istilah asas kesusasteraan seperti tema, persoalan, perwatakan, gaya bahasa dan beberapa istilah lain dapat difahami dan seterusnya mampu melahirkan murid yang menghargai karya-karya sastera. Berbanding dengan penulisan yang berbentuk fakta dan ilmiah, penulisan karya sastera lebih menarik kerana digarap melalui penggunaan gaya bahasa yang puitis dan kosa kata yang pelbagai. Secara tidak langsung, murid-murid dapat memperluas perbendaharaan kata yang boleh digunakan dalam penulisan dan pertuturan. Di samping itu, pembelajaran KOMSAS dapat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran berbahasa seperti kemahiran bertutur, membaca dan menulis.

Karya yang dipilih sebagai teks KOMSAS bukan sahaja mengambil kira aspek teknik penceritaan atau jalan cerita tetapi juga berdasarkan gaya bahasa yang menarik. Selain itu, nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan turut diambil kira. Pertimbangan tersebut sangat penting agar pembacaan dan perbincangan karya KOMSAS di dalam kelas dapat memberikan banyak pengajaran kepada murid. Karya yang dipilih itu pula tidak terhad kepada karya-karya moden seperti novel, cerpen dan sajak malah KOMSAS turut menyetengahkan karya-karya lama yang berbentuk prosa seperti prosa tradisional serta puisi seperti pantun, gurindam dan syair. Dengan mendalami dan mengapresiasi karya-karya sastera tradisional tersebut, murid menjadi lebih peka untuk menghargai kesusasteraan warisan bangsa. Sebagai usaha positif untuk menyemarakkan penghayatan KOMSAS, pihak KPM sentiasa menukar teks KOMSAS yang digunakan dalam tempoh tertentu. Perubahan tersebut dilakukan untuk memberi peluang kepada lebih ramai penulis agar karya mereka diterbitkan dan seterusnya dikaji oleh murid-murid.

Sesungguhnya pembelajaran KOMSAS yang telah dilaksanakan lebih sepuluh tahun itu dapat memantapkan murid dalam berfikir dan berkomunikasi. Namun begitu, pihak KPM perlu melaksanakan kajian semula secara holistik supaya pembelajaran KOMSAS dapat memberikan impak yang lebih menyeluruh. Kajian ini perlu dilakukan agar matlamat pembelajaran KOMSAS dapat dicapai dengan baik.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pembelajaran KOMSAS dan Dunia Kesusasteraan Negara'  
oleh Salleh Hashim,  
Dewan Siswa, April 2016

Tugasan soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

## Pendahuluan

### Contoh Jawapan Cemerlang

Rumusan membincangkan manfaat - manfaat pembelajaran
Komponen Sastera (KOMSAS) dan cara - cara pihak sekolah
menarik minat murid mempelajari KOMSAS.

Calon berjaya menjawab bahagian pendahuluan dengan tepat dan lengkap. Pendahuluan calon merangkumi **faedah-faedah pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS)** di sekolah-sekolah menengah. Ayat yang digunakan gramatis. Pendahuluan rumusan dapat **menggambarkan keseluruhan isi** dalam petikan rumusan yang diberikan. Kematangan jawapan calon terserlah.

### Contoh Jawapan Sederhana

Petikan membincangkan manfaat-manfaat pembelajaran
Komponen Sastera (KOMSAS) di negara Malaysia.

Berdasarkan contoh, calon dapat memahami kata tugas dalam soalan namun **tidak dapat mengemukakan bahagian pendahuluan dengan lengkap**. Calon hanya mengemukakan sebahagian jawapan sahaja untuk pendahuluan. Calon **hanya menjelaskan faedah-faedah pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) sahaja tanpa merujuk kepada sasaran penerima faedah-faedah pembelajaran KOMSAS** dengan tepat. Oleh itu jawapan calon dianggap tidak lengkap dan tidak dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan. Tidak terdapat kesalahan tatabahasa atau ejaan.

## Isi Tersurat

### Contoh Jawapan Cemerlang

Antara faedahnya ialah meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid. Pelbagai istilah asas kesusasteraan dapat difahami dan seterusnya mampu melahirkan murid yang menghargai karya-karya sastera. Murid-murid juga dapat memperluas perbendaharaan kata yang boleh digunakan dalam penulisan dan pertuturan. Pembelajaran KOMSAS dapat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran berbahasa. Pembelajaran KOMSAS juga menjadikan murid lebih peka untuk menghargai kesusasteraan warisan bangsa. Pembelajaran KOMSAS menjadikan pendidikan Bahasa Melayu menjadi lebih luas.

Bagi bahagian isi tersurat, calon dapat memahami kehendak tugas soalan dan berjaya mengemukakan isi tersurat tentang faedah-faedah pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS). Calon berjaya **mengemukakan enam isi tersurat** sebagaimana yang dikehendaki oleh konstruk soalan. Ayat yang digunakan **gramatis dan bebas daripada kesalahan tatabahasa**. Isi tersurat yang dikemukakan juga **tersusun dan berturutan** serta **mempunyai kesinambungan isi** daripada isi pertama sehingga isi tersurat yang keenam. Ayat yang dibina juga sempurna. Susunan isi menunjukkan kematangan calon.

### Contoh Jawapan Sederhana

Komponen Sastera meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid lalu menimbulkan <sup>perhayatan</sup> ~~perhayatan~~ terhadap pelbagai karya yang ditulis oleh pengarang-pengarang tanah air. Selain itu, komponen ini memperluas perbendaharaan kata yang boleh digunakan dalam penulisan dan pertuturan serta ~~meng~~ meningkatkan kemahiran berbahasa. ~~Bukan itu sahaja~~. Akhirnya, komponen ini memberi banyak pengajaran kepada murid dan murid menjadi lebih peka untuk menghargai <sup>kesusasteraan</sup> ~~kesusasteraan~~ warisan bangsa.

Calon hanya dapat mengemukakan sebahagian isi tersurat. Jawapan yang diberikan mengemukakan tiga atau empat isi tersurat sahaja. Isi yang dikemukakan **tidak berturutan**. Terdapat calon yang menyalin huraian dan contoh dalam petikan yang bukan isi dan tidak relevan dengan kehendak soalan. Ayat yang digunakan masih gramatis dan **terdapat beberapa kesalahan tatabahasa**.

## Isi Tersirat

### Contoh Jawapan Cemerlang

Antara caranya ialah pihak sekolah mengadakan pertandingan kuiz tentang KOMSAS. Guru-guru menjadikan pembelajaran KOMSAS lebih menarik. Pihak sekolah menggalakkan penyiaran digital supaya pembelajaran KOMSAS lebih menarik.

Calon mampu **mengemukakan isi tersirat** tentang cara-cara pihak sekolah menarik minat murid mempelajari KOMSAS. Calon kumpulan ini dapat **mengemukakan dua isi tersirat dengan tepat**. Calon dapat membaca dan mentafsir kehendak isi tersirat dengan baik. Calon berjaya menjawab dengan mengemukakan idea aras tinggi. Jawapan ditulis dalam bahasa yang gramatis **tanpa kesalahan tatabahasa**. Jawapan calon dalam kumpulan ini menunjukkan kematangan mereka menjana idea.

### Contoh Jawapan Sederhana

Cara-cara pihak sekolah menarik minat murid mempelajari KOMSAS ialah mengadakan kempen, melaksanakan program Nilam dan mengadakan pameran.

Calon hanya dapat **mengemukakan sebahagian dari isi tersirat** sahaja. Terdapat juga **isi yang dikemukakan itu berulang**. Calon kurang memahami kehendak soalan yang memerlukan isi tersirat berkaitan tentang cara-cara pihak sekolah menarik minat murid mempelajari KOMSAS. Terdapat jawapan calon hanya dibuat secara umum sahaja. Namun penggunaan bahasa calon kumpulan sederhana masih gramatis.

## Kesimpulan

### Contoh Jawapan Cemerlang

Kesimpulannya, murid-murid perlu mempelajari komponen Sastra (KOMSAS) supaya dapat meningkatkan kemahiran bahasa mereka.

Calon dapat mengemukakan bahagian kesimpulan dengan jelas dan menepati kehendak tugas. Calon dapat **mengemukakan cadangan yang menepati** isi petikan dan kesan atau alasan yang relevan dengan cadangan tersebut. Calon dapat **mengemukakan kedua-dua elemen** atau **unsur kesimpulan dengan tepat**. Bahasa yang digunakan gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama meningkatkan kadar membaca karya komiks dalam kalangan murid supaya negara menjadi maju.

Calon gagal mengemukakan kesimpulan dengan tepat. Calon hanya **menjawab sebahagian isi** sahaja bagi bahagian kesimpulan. Calon hanya berjaya mengemukakan cadangan kesimpulan tanpa mengaitkan kesan atau alasan kepada cadangan yang diberikan tersebut. **Terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tatabahasa** yang dilakukan. Bahasa yang digunakan kurang gramatis.

## Soalan 2 (a) (i) – Petikan umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menikmati keseronokan*.

Tugasan soalan ini menghendaki calon memberikan maksud rangkai kata “*menikmati keseronokan*” berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Maksud rangkai kata menikmati keseronokan ialah merasai  
kegembiraan.

Calon dapat memberikan jawapan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat. Jawapan calon menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Calon juga memberikan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Maksud rangkai kata menikmati keseronokan  
ialah menikmati kegembiraan.

Calon tidak memahami sepenuhnya maksud rangkai kata yang diuji. Calon hanya mampu **mengemukakan sebahagian sahaja maksud** bagi rangkai kata yang diuji dan masih **mengekalkan** atau **menyalin semula** sebahagian daripada rangkai kata tersebut.

## Soalan 2 (a) (ii)

- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan bahawa pelbagai pertimbangan diambil kira semasa memilih karya sastera untuk dijadikan teks KOMSAS.

Nyatakan pertimbangan-pertimbangan tersebut.

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengemukakan isi-isi tentang pelbagai pertimbangan yang perlu diambil kira semasa memilih karya sastera untuk dijadikan teks KOMSAS yang terdapat dalam petikan.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Pertimbangan yang diambil kira semasa memilih karya sastera untuk dijadikan teks KOMSAS ialah aspek teknik penceritaan atau jalan cerita. Selain itu, pertimbangan yang berdasarkan gaya bahasa yang menarik juga diambil kira. Setemunya, pertimbangan yang boleh diambil kira ialah nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan.

Keseluruhannya, calon dapat memahami kehendak tugasan soalan dan mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon juga boleh **memberikan semua jawapan** yang terdapat dalam petikan. Jawapan calon tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan secara teratur dengan menggunakan bahasa dan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Pertimbangan yang diambil kira semasa memilih karya sastera untuk dijadikan teks KOMSAS ialah aspek teknik penceritaan atau jalan cerita.

Calon tidak dapat menyatakan jawapan yang cukup dan lengkap dari segi jumlah isi. Calon **hanya mengemukakan satu isi** sahaja sedangkan dalam soalan ini calon perlu mengemukakan sekurang-kurangnya dua isi dengan menggunakan ayat yang gramatis. Calon menggunakan bahasa dan ayat yang kurang gramatis.

### Soalan 2 (a) (iii)

(iii) Negara kita masih memerlukan ramai penulis yang berminat untuk menghasilkan karya sastera.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai hasrat tersebut?

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengemukakan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk melahirkan ramai penulis yang berminat untuk menghasilkan karya sastera mengikut pendapat calon itu sendiri.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai hasrat tersebut ialah pihak kerajaan haruslah menubuhkan akademi sastera dan kebudayaan di seluruh negara. Hal ini dilakukan bagi membuka peluang generasi muda supaya mampu mengasah bakat penulisan mereka untuk menjadi penulis yang berjaya menghasilkan karya sastera yang baharu. Selain itu, pihak sekolah mestilah mengadakan pertandingan menulis karya sastera di sekolah seperti sajak dan puisi di sekolah. Hal ini dapat menarik minat pelajar untuk berkarya agar dapat menjadi penulis yang tersohor di negara kita pada masa hadapan.

Calon memahami tugasan soalan yang diberi dengan baik. Calon mampu **memberikan fakta-fakta yang menepati** tugasan soalan. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang lebih daripada yang dikehendaki kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang tugasan yang diberikan. Jawapan diberikan menggunakan bahasa yang baik dan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Pada pendapat saya, langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai hariat tersebut adalah mengadakan pertandingan hasil karya siswa di kalangan pelajar, memertabatkan dan memperbanyak penerbitan Bahasa Melayu, dan memberi kesedaran kepada masyarakat bahwa Bahasa Melayu adalah sangat penting dan haruslah dikekalkan kerana merupakan antara lambang identiti negara kita.

Calon masih memahami tugas soalan, namun kurang berupaya memberikan jawapan yang tepat. Calon juga **mengemukakan jumlah isi yang tidak mencukupi** atau hanya **memberikan satu isi jawapan** sahaja. Terdapat juga calon yang cenderung memberikan jawapan yang sama maksudnya dalam jawapan mereka. Jawapan juga dikemukakan dalam ayat yang kurang gramatis.

## Soalan 2 (b) (i) – Petikan Drama

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

PELAKON III: Betul juga kata rakan saya tu. Peristiwa yang berlaku kepada Azmir mungkin berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang.

IBU: Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga dia masuk ke universiti.

ARIF: Betul mak cik, tetapi ... masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapat kasih sayang yang secukupnya.

*(IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah).*

PELAKON I: Pak cik, mak cik ... marilah kita sama-sama membantu Azmir. Dia amat memerlukan perhatian dan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan. Dia memerlukan semangat dan perangsang daripada kita semua, bukan kutukan dan hukuman.

PELAKON II: Kami lihat, Azmir seperti sedang menderita suatu penderitaan yang tak tertanggung. Kutukan, cemuhan dan hukuman akan hanya menyebabkan sakit yang dialaminya menjadi lebih parah.

ARIF: Kami fikir, eloklah pak cik dan mak cik berjumpa dengan Azmir di hospital dengan segera sebelum terlambat. Dia amat memerlukan kita semua; lebih-lebih lagi, pak cik dan mak cik. Kami minta diri dulu.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'  
oleh Sharif Shaary  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Azmir menderita.

Kemukakan faktor-faktor tersebut.

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengemukakan beberapa faktor yang menyebabkan Azmir menderita berdasarkan petikan yang diberi.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Faktor-faktor yang menyebabkan Azmir menderita ialah dia kurang mendapat perhatian dan kasih sayang selain itu, faktor yang setemunya ialah . . . Azmir sering menerima kutukan cemoohan dan hukuman.

Keseluruhannya, calon memahami tugas soal dan dapat mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon dapat mengenal pasti jawapan yang terdapat dalam petikan dengan tepat dan mengemukakan semua jawapan tersebut. Jawapan calon tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan bahasa yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Beberapa faktor yang menyebabkan Azmir menderita ialah dia kekurangan kasih sayang dan semangat

Calon hanya dapat **mengenal pasti sebahagian isi** sahaja yang terdapat dalam petikan. Mereka tidak dapat menyatakan jawapan yang lengkap dari segi jumlah isi yang diperlukan. Terdapat juga calon yang mengemukakan dua isi, tetapi salah satu daripada isi yang diberikan itu tidak tepat. Calon menggunakan bahasa yang kurang gramatis.

### Soalan 2 (b) (ii)

(ii) Andaikan rakan anda menghadapi masalah tekanan emosi.

Sebagai rakan sebaya, nyatakan tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk membantu rakan anda itu.

Tugas soal ini menghendaki calon menyatakan tindakan-tindakan yang boleh calon ambil untuk membantu rakannya yang sedang menghadapi masalah tekanan emosi.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Sebagai rakan sebaya, tindakan yang akan saya ambil untuk membantunya ialah menasihatinya supaya mendapatkan khidmat kaunseling agar mampu menangani tekanan emosi. Selain itu, saya juga akan membawanya bersiar-siar bersama rakan-rakan yang lain supaya dia dapat melapangkan mindanya. Akhir sekali, saya akan ~~membantu~~ memberikan kata-kata semangat serta sokongan moral agar dia dapat menghilangkan tekanan tersebut.

Calon memahami tugas soal yang diberi. Calon mampu **memberikan isi-isi yang menepati kehendak soal dalam jumlah yang mencukupi**. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang lebih daripada yang diperlukan kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang tugas yang diberikan. Jawapan yang diberikan menggunakan bahasa yang gramatis.

### Contoh jawapan sederhana

Sebagai rakan sebaya, tindakan-tindakan yang akan ambil untuk membantu rakan saya adalah saya akan menasihati dia. Selain itu banyak makan sayur-sayuran. Seterusnya kurangkan berfikir tentang perkara lain.

Calon kurang mampu mengemukakan jawapan dengan tepat atau calon hanya mampu **mengemukakan sebahagian sahaja jawapan** tentang tugas yang diuji. Jawapan calon tentang tugas yang diberikan tidak menunjukkan kematangan. Bahasa yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis.

### Soalan 2 (b) (iii)

- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai murni lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan.

Tugas soal ini menghendaki calon menghuraikan satu nilai murni yang terdapat dalam petikan dan satu nilai murni lain yang terdapat daripada keseluruhan drama.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Nilai <sup>murni</sup> yang terdapat dalam petikan ialah nilai kasih sayang. Contohnya, pelakon yang meminta ibu dan ayah Azmir supaya sentiasa membenarkan perhatian dan kasih sayang terhadap Azmir yang sedang menderita. Selain itu, nilai murni lain daripada keseluruhan drama ialah nilai ketabahan. Contohnya, Azmir <sup>yang</sup> tabah ~~menghidapi~~ <sup>menghanungi</sup> kesakitan akibat barah otak yang dihidapinya walaupun tiada siapa yang tahu akan penderitaan yang ditanggungnya.

Calon mampu mengemukakan jawapan yang tepat dan lengkap bagi tugas yang diuji. Calon mampu memberikan jawapan yang tepat dan lengkap dengan huraian bagi satu nilai murni dalam petikan dan satu nilai murni lain dalam keseluruhan drama. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan yang tinggi tentang komponen sastera iaitu unsur nilai murni dalam petikan drama. Bahasa yang digunakan oleh calon sangat gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Satu nilai murni yang terdapat dalam petikan ialah nilai prihatin. Sebagai contoh, rakan-rakan Azmir telah membawanya ke hospital setelah melihat Azmir berkelakuan pelik. Satu nilai murni lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan adalah nilai kasih sayang. Contohnya, Azmir amat menyayangi isterinya.

Aspek komponen sastera yang diuji bagi soalan ini masih mampu dijawab oleh calon kumpulan sederhana. Namun calon hanya **memberikan sebahagian sahaja isi** bagi tugas yang diuji iaitu sama ada jawapan tepat bagi aspek nilai murni dalam petikan atau aspek nilai murni dalam keseluruhan drama yang diuji. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan tentang unsur sastera yang diuji berada pada tahap sederhana sahaja. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

## Soalan 2 (c) (i) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

KATA sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrnuwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlempang akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh *menghimpunkan segala rakyat* teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *menghimpunkan segala rakyat*.

Tugasan soalan ini menghendaki calon memberikan maksud rangkai kata “*menghimpunkan segala rakyat*” berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Maksud menghimpunkan segala rakyat ialah mengumpulkan semua  
warga atau orang di negeri tersebut.

Calon memahami maksud rangkai kata yang diuji. Calon dapat menjawab soalan maksud rangkai kata dengan tepat. Jawapan calon dalam bahasa yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Maksud menghimpunkan segala rakyat ialah mengumpulkan semua rakyat.

Keseluruhannya calon tidak dapat memberikan makna rangkai kata dengan tepat. Calon hanya dapat **memberikan makna bagi sebahagian rangkai kata** sahaja dan sebahagian lagi diberikan makna yang kurang tepat. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

### Soalan 2 (c) (ii)

- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan Raja Benua Siam setelah Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Raja Benua Siam setelah Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam seperti yang terdapat dalam petikan.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Tindakan-tindakan Raja Benua Siam setelah Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam ialah menyuruh dan hulubalangnya berlengkap untuk menyerang Melaka/ menitahkan hulubalangnya iaitu Awi Cakri membawa rakyat yang banyak untuk berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Keseluruhannya, calon dapat mengenal pasti isi-isi jawapan yang terdapat di dalam petikan. Calon berupaya **mengemukakan dua jawapan yang diperlukan dengan tepat**. Terdapat juga calon yang memberikan lebih daripada dua jawapan yang dikehendaki. Bahasa yang digunakan sangat gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Antara tindakan Raja Benua Siam setelah Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke ~~Ber~~ benua Siam ialah Raja Benua Siam terlalu marah dan menyuruh panglimanya bersama rakyatnya tanpa berlengah lagi menyerang Melaka. Raja Benua Siam menggunakan jalan darat terus ke ~~Hulu~~ hulu Pahang.

Calon masih memahami kehendak soalan dan dapat mengenal pasti jawapan dalam petikan. Walau bagaimanapun, calon **tidak dapat mengemukakan isi yang cukup**. Calon hanya mampu **mengemukakan satu isi** sahaja yang menepati tugasan soalan. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

### Soalan 2 (c) (iii)

(iii) Sultan Muzaffar Syah memiliki ciri seorang pemimpin yang dapat menjamin kedaulatan Melaka.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemimpin dalam menjamin kedaulatan sesebuah negara?

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengemukakan pendapat tentang ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemimpin dalam menjamin kedaulatan sesebuah negara.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Pada pendapat saya, ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemimpin dalam menjamin kedaulatan sesebuah negara ialah seorang yang bijaksana dalam menggunakan pentadbiran negara. Selain itu, ciri yang setemunya ialah seorang yang adil dan saksama dalam menyelesaikan masalah di negaranya. Akhir sekali, ciri-ciri <sup>seseorang</sup> ~~se~~ pemimpin ialah berhati mulia dengan sentiasa prihatin terhadap kehidupan rakyat di negaranya.

Keseluruhannya, calon memahami tugasan soalan. Calon berupaya **memberikan jawapan dengan jelas dan tepat walaupun dalam ayat yang ringkas**. Terdapat juga calon yang mampu memberikan jawapan yang lebih daripada dua isi yang diperlukan. Jawapan yang diberikan menunjukkan kematangan calon dalam memberikan pendapat. Bahasa yang digunakan gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Pada pendapat saya, ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin dalam menjamin kedaulatan sesebuah negara ialah mempunyai sifat adil dengan menghimpunkan segala rakyat membawa orang kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali.

Jawapan calon masih menunjukkan pemahaman terhadap tugasan soalan. Namun calon dalam kumpulan ini **hanya dapat memberikan satu isi jawapan** yang betul sahaja daripada dua isi yang diperlukan. Keadaan ini menunjukkan calon kurang menguasai isu dalam tugasan soalan. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

## Soalan 2 (d) (i) – Sajak

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **Aku Membaca Lagi**

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawahnya gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

**Razali Mohd. Yussof**  
*Dewan Bahasa, Januari, 2007*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **dua** perasaan penyajak.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menyatakan dua perasaan penyajak yang terdapat dalam sajak.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Perasaan penyajak tersebut ialah sedih dan kecewa

Calon dapat memahami tugas soal dan dapat mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon kumpulan ini **dapat mengenal pasti dua perasaan penyajak** yang terdapat dalam petikan. Calon juga dapat memberikan lebih daripada dua perasaan penyajak yang terdapat dalam petikan. Jawapan calon tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan secara teratur dengan menggunakan bahasa yang gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Berdasarkan sajak tersebut, dua perasaan penyajak adalah sedih dan sakit.

Calon hanya dapat **mengenal pasti sebahagian isi** sahaja yang terdapat dalam petikan. Calon tidak dapat menyatakan jawapan yang mencukupi dari segi jumlah isi. Namun begitu, terdapat juga calon yang **mengemukakan dua isi tetapi salah satu daripada isi tersebut tidak betul**. Calon masih menggunakan bahasa yang gramatis.

### Soalan 2 (d) (ii)

- (ii) Dalam rangkap akhir, penyajak menyatakan bahawa kedudukan bahasa Melayu semakin terancam di negara sendiri.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan bahasa Melayu itu terancam?

Tugas soal ini menghendaki calon mengemukakan pendapat tentang faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan bahasa Melayu itu terancam di negara sendiri.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Faktor-faktor yang menyebabkan bahasa Melayu itu terancam ialah kerana generasi kini mudah terpengaruh dengan bahasa rojak yang sering dituturkan oleh pelakon-pelakon filem di televisyen. Selain itu, faktor yang seterusnya ialah rakyat lebih cenderung untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam pergaulan seharian khususnya di kota kerana - berasa lebih profesional. Akhir sekali, faktornya ialah kedatangan pendatang asing yang banyak menyebabkan bahasa Melayu semakin tidak dituturkan oleh masyarakat sebaliknya memilih untuk berbahasa asing.

Calon dapat mengemukakan pendapat dengan **memberikan isi-isi yang tepat** mengikut tugas soal. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan calon yang tinggi dan memiliki pengetahuan yang luas tentang tugas yang dikemukakan. Calon berupaya menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyelesaikan tugas yang diuji yang berkait dengan kedudukan bahasa Melayu di negara sendiri. Bahasa yang digunakan gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Pada pendapat saya, faktor-faktor yang menyebabkan bahasa Melayu itu terancam adalah dengan penggunaan bahasa-bahasa kasar yang buruk. Seterusnya, kekurangan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja selepas persekolahan. Selain itu, kekurangan komponen bahasa Melayu dan kekurangan penulis-penulis bahasa Melayu.

Calon kurang mampu **mengemukakan pendapat dengan tepat** atau calon hanya **mengemukakan sebahagian sahaja jawapan** tentang tugas yang diuji. Pendapat calon tentang tugas yang diberikan menunjukkan pengetahuan berfikir calon tentang kedudukan bahasa Melayu di negara sendiri berada pada aras sederhana. Bahasa yang digunakan calon masih gramatis.

## Soalan 2 (d) (iii)

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menghuraikan dua persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.

### Contoh Jawapan Cemerlang

Persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut ialah persoalan kekecewaan seseorang yang cinta akan bahasa ibunda terhadap masyarakat yang kian melupakan identiti bangsa. Contohnya, penyajak berasa amat kecewa kerana semakin ramai anak muda yang tidak memartabatkan bahasa Melayu. Selain itu, persoalan yang setenusnya ialah persoalan kelunturan bahasa Melayu dalam kalangan generasi kontemporari. Contohnya, penyajak menyatakan meratapi luka ~~sa~~ dan nasib bangsa yang kini lebih memandang tinggi akan bahasa lain dan bukannya bahasa ibunda sendiri.

Calon dapat **memberikan dua persoalan beserta huraian dengan tepat** seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Terdapat juga calon yang mampu memberikan lebih daripada dua isi yang diperlukan. Jawapan calon menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi berkaitan unsur sastera. Bahasa yang digunakan oleh calon sangat gramatis.

### Contoh Jawapan Sederhana

Salah satu persoalan yang terdapat dalam soalan tersebut ialah seseorang yang bersyukur dengan ciptaan Tuhan. Contohnya, penyajak berass bersyukur dengan ciptaan alam ciptaan Tuhan seperti langit, udara dan banjaran gunung. Seterusnya, persoalan seseorang yang mementingkan Bahasa Melayu. Contohnya, penyajak berasa sedih kerana bahasa ibundangnya iaitu Bahasa Melayu kian dipinggirkan oleh rakyat.

Jawapan calon tentang dua persoalan yang diuji dalam tugas soal menunjukkan calon hanya **memberikan sebahagian sahaja jawapan yang tepat**. Terdapat juga calon yang mampu **memberikan dua isi jawapan tetapi tanpa huraian yang lengkap**. Selain itu, terdapat juga calon yang **memberikan dua isi tanpa huraian**. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

### Soalan 3(a) Pengetahuan dan kemahiran bahasa

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) langit
- (ii) langit-langit
- (iii) tiba
- (iv) tiba-tiba
- (v) otak
- (vi) otak-otak

Tugasan soalan ini menghendaki calon membina satu ayat bagi setiap perkataan yang diuji untuk menunjukkan bahawa calon faham akan maksud dan penggunaan perkataan tersebut.

#### Contoh Jawapan Cemerlang

(i) langit	
- Jurulatih membatalkan perlawanan bola sepak pada hari ini kerana langit mendung menandakan hari hendak hujan.	
(ii) langit-langit	
- Adik tidak mahu makan kerana langit-langit mulutnya bengkak.	
(iii) tiba	
- Murid-murid perlu tiba awal ke sekolah supaya tidak ditahan oleh guru disiplin.	
(iv) tiba-tiba	
- Bilik kakak yang terang itu tiba-tiba menjadi gelap kerana lampu biliknya rosak.	
(v) otak	
- Pendarahan yang teruk di otak abang menyebabkan dia hilang ingatan seketika.	
(vi) otak-otak	
- Saya membantu ibu menjual otak-otak di pasar malam pada setiap hari Ahad.	

Calon memahami maksud rangkai kata yang diuji. Calon dapat **membina ayat dengan tepat, gramatis dan logik** dengan menggunakan perkataan tersebut. Selain itu, ayat yang dibina dapat **menjelaskan maksud dan penggunaan perkataan yang diuji**. Tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan yang dilakukan oleh calon.

## Contoh Jawapan Sederhana

lagit

Kanak-kanak akan suka melihat lagit semasa mempunyai bangkuk  
bintang yang terang dan cantik

Ibu sedang menggunakan lagit-lagit itu pada petang itu.

Suasana dalam <sup>dewan</sup> stadium itu hui rendah semasa tiba juelan  
stak pada harga murah.

Kemalangan yang berlaku kepada kita berlaku dalam sekelip mata  
tiba-tiba tanpa ~~kesedaran~~ dapat di sadari oleh kita.

otak

Udang yang kita sedang makan itu meletakkan harapan di belakang ~~otak~~  
otak, walaupun bagaimanapun harganya mahal

Terdapat telah tempat yang istimewa untuk menekan otak-otak  
yang diperbuat daripada ikan itu.

Berdasarkan tugas soalannya ini, calon masih memahami maksud perkataan yang diuji dengan baik. Calon masih berupaya membina ayat dengan tepat, gramatis dan logik menggunakan perkataan yang diuji. Calon masih mampu **membina 3 atau 4 ayat daripada 6 perkataan yang diuji dengan betul**. Masih terdapat **kesalahan tatabahasa dan ejaan** yang dilakukan oleh calon.

### Soalan 3 (b)

(b) *Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.***

- (i) Pujuklah anak kecil yang menangis itu dengan penuh kasih sayang.
- (ii) Murid yang aktif bersukan juga perlu mengutamakan pencapaian akademik.
- (iii) Ramai ibu bapa yang tidak membenarkan anak mereka menyertai rombongan itu?
- (iv) Hebatnya perbarisan kontinjen negara kita dalam upacara perasmian Sukan Olimpik itu!
- (v) Harap semua pihak mengambil iktibar daripada kisah perjuangan tokoh kemerdekaan negara.
- (vi) Pengisytiharan Rukun Negara disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis-jenis ayat yang diuji sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.

### Contoh Jawapan Cemerlang

i)	ayat perintah
ii)	ayat penyata
iii)	ayat tanya
iv)	ayat seruan
v)	ayat perintah
vi)	ayat penyata

Calon berupaya mengenal pasti jenis-jenis ayat yang diuji dengan tepat dalam tugasan soalan. Calon mampu menyenaraikan **jawapan dengan betul dan berturutan** berdasarkan kepada tugasan soalan. Jawapan calon menggambarkan pengetahuan yang baik tentang jenis-jenis ayat dalam bahasa Melayu.

### Contoh Jawapan Sederhana

i) Ayat nyata  
ii) Ayat perintah  
iii) Ayat tanya  
iv) Ayat seruan  
v) Ayat perintah  
vi) Ayat nyata

Calon masih berupaya memahami tugas soalannya iaitu mengenal pasti jenis-jenis ayat. Calon dapat **menyenaraikan sebahagian sahaja jawapan** berdasarkan tugas soalannya. Jawapan calon masih menggambarkan pemahaman yang baik tentang jenis-jenis ayat, namun tidak menggambarkan tahap pengetahuan yang mendalam.

### Soalan 3 (c)

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Kejadian gelongsoran tanah dan banjir lumpur yang merosakkan banyak rumah itu berpunca daripada diterokai hutan yang tidak terkawal.
  - (ii) Ibu bapa seharusnya menggalakkan anak-anak menghadiri kelas tuisyen di sekolah daripada membiarkan mereka berkunjung ke kafe siber untuk melayar Internet.
  - (iii) Semua jurulatih sukan yang menerima pengtauliahannya sebentar tadi dinasihati supaya melaksanakan tanggungjawab dengan berdidikasi dan bersemangat tinggi.

Tugas soalannya ini menghendaki calon mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji serta membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

### Contoh Jawapan Cemerlang

- i. gelongsuran - gelongsoran  
diterokai - penerokaan
- ii. tuisyen - tuisyen  
melayar - melayari
- iii. berdidikasi - berdedikasi  
pengtauliahian - pentauliahkan

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Calon mampu membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dalam tugas soal. Hal ini menggambarkan pengetahuan calon tentang tatabahasa dan morfologi amat baik.

### Contoh Jawapan Sederhana

kesalahan ejaan: gelongsuran → gelongsoran.
kesalahan imbuhan: diterokai → menerokai.
kesalahan ejaan: tuisyen → tuisyen.
kesalahan imbuhan: menghadin → dihadiri.
kesalahan ejaan: berdidikasi → berdedikasi.
kesalahan imbuhan: dinasihati → menasihati.

Calon masih dapat mengesan dan mengenal pasti sebahagian kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Hal ini menggambarkan pengetahuan calon tentang tatabahasa dan morfologi agak terhad.

### Soalan 3 (d)

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Remaja lepasan SPM boleh membuat pilihan untuk melanjutkan persekolahan sama ada di institusi pengajian tinggi awam dan di institusi pengajian tinggi swasta.
- (ii) Tindakan mahkamah yang mengisytiharkan muflis untuk pemaju perumahan itu telah menyebabkan proses perumahannya tergendala.
- (iii) Di samping memohon bantuan negara jiran, pihak Jabatan Alam Sekitar perlu mengambil lain-lain inisiatif supaya kuantiti udara kita sentiasa berada dalam indeks pencemaran udara yang sihat.

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengenal pasti satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji serta membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

### Contoh Jawapan Cemerlang

i.	persekolahan - pengajian
	dan - atau
ii.	proses - projek
	untuk - <del>kepada</del> terhadap
iii.	kuantiti - kualiti
	lain-lain inisiatif - inisiatif-inisiatif lain

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Calon **berupaya menggantikan kesalahan penggunaan kata atau istilah dengan perkataan yang betul** dan membetulkan kesalahan tatabahasa dalam setiap ayat yang diuji dengan tepat. Hal ini menunjukkan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa calon sangat baik.

## Contoh Jawapan Sederhana

Kata / istilah
persekolahan - pembelajaran
proses - projek
kuantiti - kualiti
Tatabahasa
dan - atau
untuk - kepada
lain-lain misiaif - misiaif lain

Calon masih **dapat mengesan dan mengenal pasti sebahagian kesalahan penggunaan kata atau istilah dan sebahagian kesalahan tatabahasa** yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Hal ini menggambarkan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa calon sederhana sahaja.

### Soalan 3 (e)

(e) *Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.*

Dr. Hameed: Sebagai jiran kita mestilah bersikap jujur dan tidak mengamalkan sikap berpura-pura kerana sikap ini boleh merenggangkan hubungan sesama jiran.

Rajesh : Betul tu Dr. Hameed. Kita bukan sahaja perlu bersikap jujur sesama jiran malahan kita hendaklah sentiasa menghulurkan bantuan kewangan kepada jiran-jiran yang susah.

Mei Ling : Selain itu, kita seharusnya mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu kesilapan kerana jiran-jiran kita turut menerima akibat daripada kesilapan yang kita lakukan itu.

Rajesh : Saya setuju dengan pendapat Mei Ling itu.

Tugasan soalan memerlukan calon memberikan tiga peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam dialog tersebut.

### Contoh Jawapan Cemerlang

- i. Talam dua muka
- ii. Muruk hati
- iii. Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga

Calon dapat **mengemukakan tiga peribahasa yang tepat** berdasarkan situasi dalam dialog yang diberikan. Calon memperlihatkan kematangan mereka dalam memahami situasi dengan mengaitkan peribahasa yang sesuai. Pengetahuan calon tentang peribahasa dan maksud amat cemerlang.

### Contoh Jawapan Sederhana

- i) talam dua muka
- ii) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- iii) berat telur sekangkak, pecah sebiji, pecah semuanya

Calon masih mampu **mengemukakan sebahagian daripada peribahasa** berdasarkan situasi dalam dialog yang diuji. Terdapat calon yang **memberikan peribahasa yang tidak membawa maksud yang tepat** berdasarkan situasi yang diberikan. Hal ini menunjukkan calon tidak memahami peribahasa yang sesuai dengan situasi yang diberikan. Selain itu, terdapat juga calon yang **memberikan peribahasa yang salah dari segi ejaannya** hingga menyebabkan maksud peribahasa itu tidak tepat.

#### Soalan 4 : Novel

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

(a) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menjelaskan dua persoalan yang terdapat dalam sebuah novel yang calon pelajari.

## Contoh Jawapan Cemerlang

1. Berdasarkan novel Silir Daksina karya Nizar Parman yang saya pelajari, terdapat dua persoalan yang dapat digalurkan daripada novel tersebut.

Persoalan pertama yang terdapat dalam novel tersebut ialah persoalan katabahan seorang anak dalam menjejaki bekas-bekas kehidupan arwah ayahnya. Buktinya, sungguhpun Haiqal terpaksa berhadapan konflik dengan ~~ibunya~~ yang umi yang melarang keras terhadap hasratnya untuk ke Batu Pahat Johor, Haiqal tetap menenuskan perjalanannya seorang diri ke kampung Batu Purnama, tempat tinggal ayah kandungnya iaitu Abdullah bin Kayan. Dalam novel tersebut, walaupun Haiqal membawa diri ke tempat yang belum pernah dijejakinya, berbekalkan ketabahan Haiqal, akhirnya dia dapat melihat kanya Abdullah bin Kayan yang masih tersimpan rapi di balai taya kampung tersebut seperti yang tertulis dalam manuskrip.

Selain itu, persoalan yang seterusnya ialah persoalan <sup>ketaatan</sup> ~~tanggungjawab~~ seorang ~~seorang~~ anak ~~muda~~ terhadap perintah dan ajaran agama. Perkara ini dapat dibuktikan melalui peristiwa Haiqal yang tetap menunaikan solat subuh di ~~stet~~ Stesen bas Batu Pahat walaupun telah menempuh perjalanan yang jauh. Bagi Haiqal, meskipun ~~bera~~ berada dalam keadaan yang penat atau ~~keturunan~~ serba kekurangan, dia masih perlu menunaikan solatnya agar sentiasa diberkati dan dipermudahkan jalannya sepanjang dia berada di kampung halaman arwah ayah kandungnya. supaya misi untuk menjejaki bekas-bekas kehidupan Abdullah bin Kayan dapat ~~se~~ diselesaikan olehnya sendiri.

Jawapan calon menepati kehendak konstruk soalan yang menekankan tentang kefahaman dan pengetahuan calon tentang novel yang mereka pelajari. Calon dapat mengemukakan dua persoalan yang terdapat dalam sebuah novel yang mereka kaji. Persoalan yang diberi itu lengkap dengan huraian dan contoh yang diambil berdasarkan kepada perlakuan watak yang terdapat dalam novel. Susunan isi jawapan calon juga disediakan dalam dua perenggan yang berasingan. Malah terdapat juga calon yang mengemukakan lebih daripada dua isi yang diperlukan. Penggunaan bahasa sangat gramatis dan tidak terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa. Jawapan calon menggambarkan penguasaan pemahaman dan pengetahuan calon terhadap novel yang mereka pelajari.

## Contoh Jawapan Sederhana

1) Berdasarkan novel yang saya kaji *Letenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip bin Talib terdapat beberapa persoalan di dalam novel tersebut. Persoalannya ialah keberanian berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Contohnya Letenan Adnan berjuang untuk mempertahankan Tanah Melayu jatuh ke tangan penipih waku kehabisan peluru. Seterusnya, ialah persoalan kebijaksanaan Letenan Adnan. Mengesahkan tentera Jepun menyamar menjadi tentera Bangladesh sewaktu di. Contohnya, Letenan Adnan bijak mengesahkan musuh yang menyamar menjadi tentera bantuan British.

Berdasarkan novel yang saya kaji *Tirani* karya Beb Sabariah terdapat beberapa persoalan di dalam novel tersebut. Persoalannya ialah keberanian Waheda membesarkan anaknya Izati sendiri. Contohnya, Waheda membesarkan Izati dan perniagaan Aya Sajina miliknya seorang diri. Seterusnya, persoalan kebijaksanaan Waheda memajukan perniagaan. Contohnya, Waheda memberi layanan yang baik kepada para pelancong yang menginap di Chalet Tajau Emas.

Jawapan calon masih menepati kehendak soalan dengan hanya **memberikan satu persoalan yang lengkap** dengan huraian seperti yang terdapat dalam sebuah novel yang dipelajari. Namun begitu calon **gagal mengemukakan persoalan yang kedua** dengan memberikan jawapan terhadap pernyataan nilai serta huraian kepada pernyataan nilai tersebut. Calon juga **tidak memahami arahan soalan** dengan memberikan jawapan berdasarkan kepada dua buah novel, sedangkan arahan soalan menghendaki calon menjawab berdasarkan sebuah novel sahaja. Jawapan calon menggambarkan penguasaan pemahaman dan pengetahuan calon terhadap novel yang mereka pelajari masih pada aras sederhana.

### Soalan 4 (b)

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menghuraikan satu peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati pembaca daripada dua buah novel yang calon pelajari.

## Contoh Jawapan Cemerlang

Berdasarkan novel yang telah saya kaji, Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat satu peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati pembaca.

Peristiwa tersebut ialah kematian Leftenan Adnan.

Selepas pasukan askar Melayu ditewaskan di Bukit Candu, Leftenan Adnan digantung pada pokok ceri lalu ditikam berkali-kali oleh Leftenan Renya Mutuguchi dan tentera Jepun yang lain sehingga badannya hancur. Pada pendapat saya, peristiwa tersebut yang menunjukkan kezaliman terhadap Leftenan Adnan dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca.

Berdasarkan novel Tirani karya Beb Sabariah, terdapat satu peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati pembaca.

Peristiwa tersebut ialah peristiwa Zahid menceraikan isterinya, Waheeda. Waheeda sentiasa dituduh berlaku curang dengan beberapa orang lelaki oleh Zahid akibat sikap kuat cemburnya. Demi mempertahankan nama baik sendiri, Waheeda Zahid juga tidak mahu mengakui Izzati sebagai anak perempuannya. Demi membersihkan nama sendiri, Waheeda telah membuat ujian DNA bagi membuktikan Izzati merupakan anak Zahid. Zahid yang suka bertindak berdasarkan emosinya enggan membaca ujian tersebut lalu menceraikan Waheeda. Disebabkan peristiwa tersebut, Waheeda mengalami kemurungan. Pada pendapat saya, perlakuan Zahid yang kejam terhadap Waheeda dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca.

Calon dapat memahami tugas soalan dan mengemukakan satu peristiwa yang dapat menimbulkan perasaan simpati dengan huraian yang lengkap bagi setiap novel yang dikaji. Calon juga menunjukkan kematangan dalam mengemukakan jawapan dengan mengemukakan eviden yang tepat dan menggunakan bahasa yang gramatis. Hal ini menggambarkan pengetahuan dan pemahaman calon tentang jalan cerita yang terdapat dalam novel yang mereka kaji amat cemerlang.

### Contoh Jawapan Sederhana

Berdasarkan novel Lettnan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, satu peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati adalah semasa pembunuhan Lettnan Adnan. Buktinya, Tentera Jepun dan tentera tanah Melayu berperang. Dalam peperangan itu, ~~set~~ tentera tanah Melayu akan mengalah dan tentera Jepun akan mengikat Lettnan Adnan di pokok ceri dan setiap tentera Jepun akan menembak bayonet sehingga mayatnya terhancur.

Seterusnya, berdasarkan novel Tirani karya Beb Subariah, satu peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati adalah semasa perceraian Zahid dan Waheeda. Buktinya, selepas perkahwinan Waheeda dan Zahid, mereka melahirkan anak perempuan iaitu bernama Izzati. Wajah Izzati dan wajah ibunya, Waheeda tidak mempunyai persamaan. Dengan ini, Zahid mula prasangka buruk tentang ketekunan kelakuan Waheeda. Zahid juga prasangka, Izzati bukan anak dia. Akhirnya, mereka berdua bercerai.

Calon masih dapat mengemukakan peristiwa yang dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca dengan tepat tetapi **tidak dapat mengemukakan huraian** atau **contoh yang relevan** berdasarkan novel yang dipelajari. Terdapat juga calon yang hanya **mengemukakan satu sahaja peristiwa yang menimbulkan simpati**, tetapi **tidak disertai dengan huraian atau contoh yang sesuai** berdasarkan novel yang dikaji. Jawapan calon masih menggunakan ayat yang gramatis tetapi **masih terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa**. Hal ini menggambarkan pengetahuan dan pemahaman calon tentang jalan cerita yang terdapat dalam kedua-dua buah novel yang mereka kaji agak terhad.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan menjawab soalan-soalan bahasa Melayu secara sendiri dan dengan bimbingan guru Bahasa Melayu.
2. Latihan berfokus kepada format soalan peperiksaan yang sebenar.
3. Membina kumpulan perbincangan dalam pembelajaran.
4. Menguasai teknik menjawab soalan.
5. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.
6. Membiasakan menjawab soalan dengan meletakkan diri anda sebagai orang yang berperanan sebagai orang yang melaksanakan sesuatu.
7. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.
8. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
9. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
10. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
11. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.
12. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.
13. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.
14. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kemahiran berfikir aras tinggi.
15. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.
16. Digalakkan menghadiri seminar atau kem bahasa semasa cuti sekolah bagi menambahkan ilmu dalam kebahasaan.
17. Digalakkan membaca dan meneliti jawapan yang terbaik yang dihasilkan oleh kalangan murid sebagai panduan diri untuk menjawab soalan.
18. Sentiasa berfikiran terbuka untuk membaca novel yang dipelajari semasa berada di tingkatan empat dan lima.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran sendiri.
3. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjutan berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
5. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
6. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.
7. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
8. Teks komsas perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.
9. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar atau dapat menguasai JSI.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
14. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan Lembaga Peperiksaan mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.
15. Membentuk "*Future Classroom*" dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
16. Guru Bahasa Melayu wajib menjadi pemudahcara di dalam kelas.
17. Guru Bahasa Melayu wajar banyak membina item yang meletakkan murid berperanan sebagai pelaku utama untuk melaksanakan sesuatu usaha atau menyelesaikan sesuatu masalah.
18. Guru Bahasa Melayu wajar menjadi pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi menambahkan kompetensi terhadap mata pelajaran yang diajar.
19. Guru Bahasa Melayu digalakkan mengadakan penandaarasan ke sekolah lain khusus dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu.
20. Guru Bahasa Melayu wajar menghadiri seminar atau bengkel atau kovensyen yang berkaitan dengan kebahasaan di pelbagai peringkat bagi menambahkan ilmu.